

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 AUGUST 2016

Patuhi kontrak biasiswa: PM

BH- 10/8/2016

→ Pelajar dibiayai JPA perlu pikul tanggungjawab khidmat untuk negara

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak semalam, mengingatkan pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya mematuhi kontrak biasiswa dan berkhidmat dalam negara selepas tamat pengajian.

Perdana Menteri berkata, pemegang biasiswa memikul tanggungjawab dan memainkan peranan dalam pembangunan negara.

Katanya, pemberian biasiswa adalah pelaburan kerajaan untuk mengenal pasti mereka yang cemerlang berkhidmat untuk negara, khususnya dalam perkhidmatan awam.

"Warga Malaysia yang diberi keistimewaan dan peluang pendidikan yang baik, dibiayai kerajaan dan rakyat, mempunyai tanggungjawab kolektif untuk menggunakan serta menyumbang kemahiran dan bakat mereka demi kebaikan rakyat Malaysia," katanya pada sesi dialog bersama 14 sis-

wazah di bawah program biasiswa JPA, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Mohammad Zabidi Zainal dan Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp Shareen Shariza Abdul Ghani.

Dialog anjuran TalentCorp itu dihadiri pemegang biasiswa yang menamatkan pengajian mereka dari universiti terkemuka di Malaysia dan Australia, Perancis, Korea Selatan, New Zealand, United Kingdom serta Amerika Syarikat.

Siswazah tajaan JPA itu kini bekerja dengan majikan terkemuka seperti Gamuda Bhd, IBM Malaysia, iflix, Lazada Malaysia, PETRONAS, PwC Malaysia, Schlumberger Business Support, Bank Negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Khazanah Nasional Bhd.

Perbaharui kerjasama

Najib juga mengumumkan JPA menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan

TalentCorp untuk memperbaharui kerjasama bagi tempoh lima tahun akan datang untuk meningkatkan inisiatif Penarikan dan Pengekalan Bakat Biasiswa (STAR).

Sementara itu, Shareen Shariza berkata permintaan bagi lulusan tajaan JPA yang terbaik jauh melebihi penawaran, khususnya bagi pemegang biasiswa universiti luar negara.

"Kini ada lebih daripada 3,000 pemegang biasiswa berdaftar di bawah inisiatif STAR dan sedang menjalani ikatan kontrak biasiswa mereka bersama 1,700 syarikat sektor swasta dalam memacu transformasi ekonomi negara," katanya.

Bukan bersifat retorik

Sementara itu, Najib berkata, penghargaan kerajaan terhadap peranan belia bukan bersifat retorik semata-mata, sebaliknya serius menterjemahkannya dalam bentuk tindakan.

Perdana Menteri berkata, ke-

rajaan sentiasa berusaha memastikan segala cadangan dan idea golongan belia dipertimbangkan di peringkat Kabinet, selain mengangkat peranan belia dalam aspek kepemimpinan melalui platform Parlimen Belia Malaysia (PBM).

Katanya, kerajaan memberi ruang kebebasan kepada ahli PBM untuk menyuarakan dan membincangkan isu dan tidak pernah memaksa mereka mengikut arus kerajaan.

"Sebagai kerajaan kita bersikap terbuka dan jika ada pihak mendakwa kami sebagai kerajaan ditaktor atau autokratik, itu tidak benar dan terbukti apabila kerajaan memberi ruang seluas-luasnya kepada ahli PBM.

"Tidak pernah kami wajibkan ahli PBM menyokong kerajaan. Sokonglah kerajaan jika kita di pihak yang benar, dan jika anda fikir kami lakukan sesuatu yang tidak betul atau kurang memuaskan, tolong tegur kami.

"Bagaimanapun, tegurlah dengan baik dan janganlah bertindak melalui demonstrasi jalanan atau referendum rakyat kerana itu bukan budaya kita. Tindakan mestilah selari dengan perlembagaan," katanya ketika berucap pada persidangan Parlimen Belia Malaysia di Parlimen di sini, semalam.

BERNAMA